

PROSPEKTUS

UNICO

UNICO-DESA PLANTATIONS BERHAD

{No Syarikat: 78983-V}
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965)

TERBITAN AWAM

49,000,000 SAHAM BIASA BARU BERNILAI
RM1.00 SESAHAM PADA HARGA TERBITAN RM1.50 SETIAP SAHAM
DIBAYAR PENUH SEMASA PERMOHONAN

DAN

TAWARAN UNTUK JUALAN

OLEH **UNICO HOLDINGS BERHAD**

25,000,000 SAHAM BIASA BERNILAI RM1.00 SESAHAM PADA
HARGA TAWARAN RM1.50 SETIAP SAHAM DIBAYAR PENUH SEMASA
PENERIMAAN PADA ATAU SEBELUM JAM 5.00 PETANG PADA 31 MAC 2000
BERASASKAN SATU (1) SAHAM UNICO-DESA PLANTATIONS BERHAD
BAGI SETIAP EMPAT (4) SAHAM SEDIA ADA DIPEGANG DALAM
UNICO HOLDINGS BERHAD KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM
UNICO HOLDINGS BERHAD YANG BERDAFTAR DALAM
DAFTAR AHLI-AHLI UNICO HOLDINGS BERHAD
PADA JAM 5.00 PETANG PADA 22 FEBRUARI 2000

Penasihat dan Pengurus Taja Jamin



Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad

(23742-V) (Bank Saudagar Berlesen)
(Ahli Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian)

PROSPEKTUS INI BERTARIKH 29 FEBRUARI 2000

KELULUSAN SURUHANJAYA SEKURITI ("SC") TIDAK BOLEH DIAMBIL SEBAGAI PETUNJUK BAHAWA SC MENGESYORKAN TAWARAN UNTUK JUALAN OLEH UNICO HOLDINGS BERHAD ("UHB") 25,000,000 SAHAM BIASA BERNILAI RM1.00 SESAHAM DALAM UNICO-DESA PLANTATIONS BERHAD ("UDPB") PADA HARGA TAWARAN RM1.50 SETIAP SAHAM DIBAYAR PENUH SEMASA PENERIMAAN PADA ATAU SEBELUM JAM 5.00 PETANG PADA 31 MAC 2000 BERASASKAN SATU (1) SAHAM UDPB BAGI SETIAP EMPAT (4) SAHAM SEDIA ADA DIPEGANG DALAM UHB KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM UHB YANG BERDAFTAR DALAM DAFTAR AHLI-AHLI UHB PADA JAM 5.00 PETANG PADA 22 FEBRUARI 2000 ("TAWARAN UNTUK JUALAN") ATAU TERBITAN AWAM 49,000,000 SAHAM BIASA BARU BERNILAI RM1.00 SESAHAM DALAM UDPB PADA HARGA TERBITAN RM1.50 SETIAP SAHAM DIBAYAR PENUH SEMASA PERMOHONAN ("TERBITAN AWAM") BERHUBUNG DENGAN PENYENARAIAN DAN SEBUT HARGA BAGI KESELURUHAN MODAL SAHAM UDPB YANG DITERBITKAN DAN BERBAYAR PADA PAPAN UTAMA BURSA SAHAM KUALA LUMPUR ("BSKL"). PELABUR-PELABUR HENDAKLAH BERGANTUNG KEPADA PENILAIAN MEREKA SENDIRI UNTUK MENILAI MERIT-MERIT DAN RISIKO-RISIKO TAWARAN UNTUK JUALAN DAN TERBITAN AWAM.

HARGA TERBITAN/TAWARAN RM1.50 SETIAP SAHAM TELAH DITENTUKAN DAN DIPERSETUJUI SEPENUHNYA OLEH UDPB, PENAWAR DAN ARAB-MALAYSIAN MERCHANT BANK BERHAD SEBAGAI PENASIHAT DAN PENGURUS PENAJA JAMIN BERDASARKAN PELBAGAI FAKTOR BERKAITAN YANG DINYATAKAN DALAM PROSPEKTUS INI. PELABUR-PELABUR HENDAKLAH MEMBUAT KEPUTUSAN MEREKA SENDIRI MENGENAI PENILAIAN SEKURITI-SEKURITI DAN KEMUNASABAHAH DASAR-DASAR YANG DIGUNAKAN.

PENILAIAN HARTA-HARTA YANG DILULUSKAN OLEH SC HANYA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK TUJUAN PENYUSUNAN SEMULA DAN LANGKAH PENGAPUNGAN AWAM DAN KELULUSAN SC TIDAK BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI SOKONGAN OLEH SC KE ATAS NILAI HARTA-HARTA SUBJEK BAGI MANA-MANA TUJUAN LAIN.

SALINAN PROSPEKTUS INI TELAH DIKEMUKAKAN DENGAN DAN DIDAFTARKAN OLEH PENDAFTAR SYARIKAT, MALAYSIA YANG TIDAK AKAN BETANGGUNGJAWAB BAGI ISI KANDUNGANNYA.

BSKL TIDAK AKAN BETANGGUNGJAWAB BAGI KETEPATAN MANA-MANA KENYATAAN YANG DIBUAT ATAU PANDANGAN-PANDANGAN ATAU LAPORAN-LAPORAN YANG DIKEMUKAKAN DALAM PROSPEKTUS INI. KEMASUKAN KE SENARAI RASMI PAPAN UTAMA BSKL TIDAK BOLEH DIAMBIL SEBAGAI PETUNJUK MERIT-MERIT UDPB ATAU SAHAM-SAHAM BIASANYA.

PROSPEKTUS INI TELAH DILIHAT DAN DILULUSKAN OLEH PARA PENGARAH UDPB DAN PENAWAR DAN MEREKA SECARA KOLEKTIF DAN INDIVIDU MENERIMA TANGGUNGJAWAB PENUH BAGI KETEPATAN MAKLUMAT YANG DIBERI DAN Mengesahkan bahawa selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, tidak ada fakta-fakta lain akan membuat sebarang kenyataan di dalam prospektus ini mengelirukan.

DEFINISI

Melainkan konteks memerlukan di sebaliknya, definisi-definisi berikut akan terpakai pada keseluruhan Prospektus ini:-

- Pengambilalihan : Secara kolektif, pengambilalihan keseluruhan modal saham UOMSB, UCorp dan UPSB yang diterbitkan dan berbayar oleh UDPB
- Pengambilalihan UOMSB : Pengambilalihan 100% daripada modal saham UOMSB yang diterbitkan dan berbayar pada 8 Februari 2000 terdiri daripada 6,500,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi jumlah balasan pembelian sebanyak RM14,653,433 yang akan dijelaskan melalui terbitan 543,323 saham baru UDPB bernilai RM1.00 sesaham dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan RM26.97 setiap saham
- Pengambilalihan UCorp : Pengambilalihan 100% daripada modal saham UCorp yang diterbitkan dan berbayar pada 8 Februari 2000 terdiri daripada 2,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi jumlah balasan pembelian sebanyak RM33,341,292 yang akan dijelaskan melalui terbitan 1,236,236 saham baru UDPB bernilai RM1.00 sesaham dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan RM26.97 setiap saham
- Pengambilalihan UPSB : Pengambilalihan 100% daripada modal saham UPSB yang diterbitkan dan berbayar pada 8 Februari 2000 terdiri daripada 1,528,541 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi jumlah balasan pembelian sebanyak RM1,184,174 yang akan dijelaskan melalui terbitan 43,907 saham baru UDPB bernilai RM1.00 sesaham dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan RM26.97 setiap saham
- ACCCIM : Dewan Perniagaan China Bersekutu dan Perindustrian Malaysia
- ACF : Asia Commercial Finance Berhad
- ADA : Ejen Depositori Bertauliah
- Kod ADA : Kod (Broker) ADA
- Permohonan : Merujuk kepada permohonan bagi Saham Terbitan Awam dan Saham Tawaran
- Borang Permohonan : Merujuk kepada permohonan bagi Saham Terbitan Awam dan Saham Tawaran melalui Borang Permohonan yang dicetak
- Arab-Malaysian : Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad (23742-V)
- ATM : Mesin Teler Automatik
- Terbitan Bonus : Terbitan bonus dilaksanakan oleh UDPB pada 18 Februari 2000 sebanyak 51,063,234 Saham baru UDPB berdasarkan lebih kurang satu ratus dan tiga puluh lima (135) Saham baru bagi setiap satu ratus (100) Saham sedia ada yang dipegang

DEFINISI (SAMB)

Builtec	: Builtec Agricultural & Development Sdn Bhd (<i>144107-U</i>)
Permodalan Hutang	: Penukaran RM28,613,300 jumlah yang teraku kepada UHB daripada UDPB kepada 28,613,300 saham baru UDPB bernilai RM1.00 sesham berdasarkan satu (1) saham biasa bernilai RM1.00 sesham dalam UDPB bagi setiap RM1.00 hutang
CDS	: Sistem Depositori Pusat
CPO	: Minyak Sawit Mentah
EPS	: Perolehan Setiap Saham
Permohonan Saham Elektronik	: Merujuk kepada permohonan bagi Saham Terbitan Awam melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian
Pemegang Saham Yang Berhak	: Pemegang-pemegang saham UHB yang namanya ditunjukkan pada Pendaftar Ahli-ahli pada jam 5.00 petang pada 22 Februari 2000
Esteemplan	: Esteemplan Sdn Bhd (<i>106211-T</i>)
Fasgro	: Fasgro Plantation Sdn Bhd (<i>59719-W</i>)
FFB	: Gugusan Buah Segar
FIC	: Jawatankuasa Pelaburan Asing
ha	: Hektar
Jimery	: Jimery Sdn Bhd (<i>121394-K</i>)
Kesan Jaya	: Kesan Jaya Sdn Bhd (<i>159785-K</i>)
KLSCCCI	: Dewan Perniagaan dan Industri Cina Kuala Lumpur dan Selangor
BSKL	: Bursa Saham Kuala Lumpur
KPD	: Koperasi Pembangunan Desa Sdn Bhd
Lajung Kelapa Sawit	: Lajung Kelapa Sawit Sdn Bhd (<i>94266-M</i>)
Lion Plantations	: Lion Plantations Sdn Bhd (<i>47273-T</i>)
Penyenaraian	: Kemasukan ke senarai rasmi dan penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham UDPB yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan terdiri daripada 138,000,000 Saham pada Papan Utama BSKL
Longlive	: Longlive Development (M) Sdn Bhd (<i>69053-U</i>)
LPS	: Kerugian Setiap Saham
Marga Jaya	: Marga Jaya Sdn Bhd (<i>142132-U</i>)

DEFINISI (SAMB)

Mautas	: Mautas Sdn Bhd (<i>141311-A</i>)
MCD	: Malaysian Central Depository Sdn Bhd (<i>165570-W</i>), anak syarikat BSKL
Ahli Jawatankuasa Eksekutif	: Ahli jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah UHB untuk mengawasi dan mengurus operasi harian, dan melaksanakan polisi kumpulan syarikat-syarikat UHB. Jawatankuasa terdiri daripada pengarah-pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah UHB
MI	: Kepentingan Minoriti
MIA	: Institut Akauntan Malaysia
MIH	: Malaysian Issuing House Sdn Bhd (<i>258345-X</i>)
MITI	: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MT	: Tan metrik
NTA	: Aset Ketara Bersih
Tawaran atau Tawaran untuk Jualan	: Tawaran untuk jualan 25,000,000 Saham oleh Penawar pada harga tawaran RM1.50 setiap saham dibayar penuh semasa penerimaan pada atau sebelum jam 5.00 petang pada 31 Mac 2000 berdasarkan satu (1) Saham UDPB bagi setiap empat (4) saham sedia ada dipegang dalam UHB kepada Pemegang-pemegang Saham UHB Yang Berhak yang berdaftar dalam Daftar Ahli-ahli UHB pada jam 5.00 petang pada 22 Februari 2000 tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Prospektus ini
Saham Tawaran	: 25,000,000 Saham dalam UDPB yang merupakan subjek Tawaran untuk Jualan
Penawar	: Pemegang saham UDPB, iaitu UHB
Pengganda PE	: Pengganda harga perolehan
PAT	: Keuntungan Selepas Cukai
Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian	: Merujuk kepada Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian untuk Permohonan Saham Elektronik seperti yang disenaraikan dalam perenggan (o) Seksyen 12.5 Prospektus ini
PBT	: Keuntungan Sebelum Cukai
PK	: Isirong sawit
PORIM	: Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia
PORLA	: Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Kelapa Sawit

DEFINISI (SAMB)

Terbitan Awam	:	Terbitan Awam 49,000,000 Saham baru dalam UDPB pada harga terbitan RM1.50 setiap saham dibayar penuh semasa permohonan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Prospektus ini
Saham Terbitan Awam	:	49,000,000 Saham baru dalam UDPB yang merupakan subjek Terbitan Awam
Puuvun	:	Puuvun Sdn Bhd (88844-X)
Langkah Penyusunan Semula	:	Langkah Penilaian Semula, Pengambilalihan, Permodalan Hutang, Terbitan Terhad kepada Eksekutif, Terbitan Terhad kepada Para Pengarah, Terbitan Bonus, Terbitan Awam, Tawaran untuk Jualan dan Penyenaraian secara kolektif
Terbitan Terhad kepada Eksekutif	:	Terbitan terhad yang dilaksanakan oleh UDPB pada 16 Februari 2000 sebanyak 1,500,000 Saham baru pada harga terbitan RM1.50 setiap saham kepada eksekutif UHB dan Kumpulan UDPB
Langkah Penilaian Semula	:	Penilaian semula harta-harta Kumpulan yang telah dilaksanakan sehubungan dengan penyenaraian UDPB pada Papan Utama BSKL
Terbitan Terhad kepada Para Pengarah	:	Terbitan terhad yang dilaksanakan oleh UDPB pada 16 Februari 2000 sebanyak 1,000,000 Saham baru pada harga terbitan RM1.50 setiap saham kepada para pengarah UHB dan Kumpulan UDPB:-

Nama Pengarah-pengarah	Bil. saham
Dato' Lim Guan Teik (<i>Pengerusi UHB dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	90,000
Tan Sri Lim Geok Chan @ Lim Yock Ching (<i>Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	90,000
Tan Sri Ngan Ching Wen	130,000
Dato' Lim Gait Tong (<i>Ahli Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	60,000
Quek Suan Hiang @ Quek Chee Hian (<i>Ahli Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	60,000
Tan Kai Hee (<i>Ahli Jawatankuasa Eksekutif UHB</i>)	60,000
Tan Sri Dato' Soong @ Soong Siew Hoong	60,000
Yeo Kian Leng @ Yeoh Joo Chuan	60,000
Mew Jin Seng	60,000
Dato' Lee Seng Cheng	60,000
Dato' Lee Choon @ Lee Chun	60,000
Goh Kok Kee @ Goh Ewe Boon (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Yap Fock On (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Lai Swee Chin @ Lai Swee Sang (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Dato' Chan Woof Khoon (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Khor Seong Mooi (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
Teo Siang Ann (<i>Pengarah UHB</i>)	35,000
	<hr/>
	1,000,000

RM dan sen	:	Masing-masing Ringgit Malaysia dan sen
ROC	:	Pendaftar Syarikat
Sabah Bank	:	Sabah Bank Berhad
Segaco	:	Segaco Plantation Sdn Bhd (56641-W)
Supercorp	:	Supercorp Plantation Sdn Bhd (60993-T)

DEFINISI (SAMB)

SC	: Suruhanjaya Sekuriti
Saham	: Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham
Sri Kundasang	: Sri Kundasang Sdn Bhd (<i>142193-K</i>)
Tutico	: Tutico Plantation Sdn Bhd (<i>60978-W</i>)
Topcrop	: Topcrop Plantation Sdn Bhd (<i>52086-W</i>)
Tekad Murni	: Tekad Murni Sdn Bhd (<i>180164-X</i>)
UCorp	: Unico Corporation Sdn Bhd (<i>76994-P</i>)
Kumpulan UCorp	: Ucorp dan anak-anak syarikatnya
UDPB atau Syarikat	: Unico-Desa Plantations Berhad (<i>78983-V</i>)
Kumpulan UDPB atau Kumpulan	: UDPB dan anak-anak syarikatnya, iaitu, UOMSB, UCorp dan anak-anak syarikatnya, dan UPSB secara kolektif
UHB	: Unico Holdings Berhad (<i>70785-V</i>)
UOMSB	: Unico Oil Mill Sdn Bhd (<i>165300-U</i>)
UPSB	: Unico Plantations Sdn Bhd (<i>94973-V</i>)
USD	: Dolar US
Zutaland	: Zutaland Development Sdn Bhd (<i>184296-K</i>)
Zuba	: Syarikat Zuba Sdn Bhd (<i>037394-K</i>)

KANDUNGAN

	Muka Surat
1. RINGKASAN MAKLUMAT	1
1.1 Sejarah dan Perniagaan	1
1.2 Perangkaan Kewangan bagi Lima (5) Tahun Kewangan Yang Lepas	2
1.3 Perangkaan Penting Berhubung dengan Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan	3
1.4 Asas Penetapan Harga Terbitan/Tawaran untuk Jualan	4
1.5 Pertimbangan Pelaburan	4
2. MAKLUMAT KORPORAT	8
3. PENGENALAN	11
4. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM DAN TAWARAN UNTUK JUALAN	13
4.1 Modal Saham	13
4.2 Butir-butir Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan	13
4.3 Pembrokeran dan Komisyen Taja Jamin	14
4.4 Tujuan Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan	14
4.5 Perolehan Terbitan Terhad kepada Eksekutif, Terbitan Terhad kepada Para Pengarah, Terbitan Awam, Tawaran untuk Jualan dan penggunaannya	15
5. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI	20
6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN UDPB	27
6.1 Pemerbadanan	27
6.2 Modal Saham dan Perubahan dalam Modal Saham	28
6.3 Rekod Keuntungan dan Dividen	29
6.4 Langkah Penyusunan Semula	30
6.5 Gambaran Keseluruhan Perniagaan	34
6.6 Para Pengarah, Pasukan Pengurusan dan Kakitangan	47
6.7 Ringkasan Harta-harta	54
6.8 Anak-anak Syarikat	61
7. MAKLUMAT KEWANGAN	77
7.1 Rekod Keuntungan Disatukan dan Dividen	77
7.2 Modal Kerja, Pinjaman dan Liabiliti Kontingen	78
7.3 Anggaran dan Ramalan Keuntungan Disatukan dan Andaian-andaian	79
7.4 Surat Juruaudit mengenai Anggaran dan Ramalan Keuntungan Disatukan	82
7.5 Anggaran dan Ramalan Dividen Dan Polisi	83
7.6 Proforma Kunci Kira-kira Disatukan	84
7.7 Surat Juruaudit mengenai Proforma Kunci Kira-kira Disatukan	88
8. LAPORAN PENGARAH	89
9. SURAT-SURAT JURUNILAI	90
10. LAPORAN AKAUNTAN	99

KANDUNGAN

	Muka Surat
11. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM	126
11.1 Modal Saham	126
11.2 Tataurusan Pertubuhan	126
11.3 Para Pengarah dan Pemegang Saham Utama	133
11.4 Am	137
11.5 Kontrak Material	139
11.6 Pengambilalihan Awam	140
11.7 Litigasi Material	140
11.8 Kebenaran	140
11.9 Dokumen untuk Pemeriksaan	141
11.10 Tanggungjawab	142
12. TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN	143
12.1 Borang-borang Permohonan	143
12.2 Terma-terma dan Syarat-syarat Permohonan Mengguna Borang-borang Permohonan	143
12.3 Tatacara Am untuk Permohonan	145
12.4 Senarai ADA	153
12.5 Terma-terma dan Syarat-syarat bagi Permohonan Saham Elektronik bagi Saham Terbitan Awam	161
12.6 Langkah-langkah bagi Permohonan Saham Elektronik melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian	166

1. RINGKASAN MAKLUMAT


Ringkasan maklumat yang berikut dipetik daripada, dan hendaklah dibaca berpandukan dengan, teks penuh Prospektus ini.

1.1 Sejarah dan Perniagaan

UDPB telah diperbadankan di Malaysia sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 11 Disember 1981 sebagai Unico-Desa Plantations Sdn Bhd. Pada 11 Mei 1983, Syarikat menerima tawaran bagi sebidang tanah meliputi 6,879.66 hektar daripada Kerajaan Negeri Sabah bagi tujuan penanaman kelapa sawit. Pada 8 Disember 1983, perjanjian usahasama telah ditandatangani antara KPD dan UHB untuk melanggan bagi modal saham UDPB yang diterbitkan dan berbayar pada nisbah 49 : 51. Walau bagaimanapun, pada 21 Ogos 1987, UHB mengambil alih kesemua saham yang dipegang oleh KPD dan UDPB menjadi anak syarikat milik penuh UHB.

Pada 1 April 1998, Syarikat telah ditukar kepada syarikat awam berhad dan menggunakan nama semasanya. UDPB secara utamanya terlibat dalam penanaman kelapa sawit, pengilangan FFB, dan penjualan CPO dan PK.

Selaras dengan Langkah Penyusunan Semula, UDPB mengambil alih keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan berbayar tiga (3) buah syarikat, iaitu, UOMSB, UCorp dan UPSB. Tiga (3) buah anak syarikat utama UDPB terlibat dalam penanaman kelapa sawit, pengilangan FFB, pemprosesan dan pemasaran keharianan kelapa sawit. Struktur semasa Kumpulan UDPB adalah seperti berikut:-



1. RINGKASAN MAKLUMAT (SAMB)

Pada masa ini, Kumpulan memiliki bank tanah kira-kira 12,140.10 hektar di Lahad Datu, Sabah. Pada 18 Februari 2000, lebih kurang 11,440.64 ha telah ditanam dengan kelapa sawit daripada mana kira-kira 8,943.19 ha adalah matang. Kumpulan mengendalikan dua (2) buah kilang CPO yang memberi perkhidmatan kepada ladang Kumpulan dan ladang bukan Kumpulan di Lahad Datu. Jika digabung, kilang-kilang ini memproses kira-kira 290,305 MT FFB pada 1999 dan mengeluarkan masing-masing 56,182 MT CPO dan 12,768 MT PK.

1.2 Perangkaan Kewangan bagi Lima (5) Tahun Kewangan Yang Lepas

Jadual berikut dipetik daripada Laporan Akauntan yang dibentang dalam Seksyen 10 Prospektus ini dan hendaklah dibaca berpandukan dengan nota-notanya.

Jadual di bawah membentangkan ringkasan proforma keputusan-keputusan teraudit disatukan Kumpulan UDPB bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 31 Ogos 1999 dan disediakan untuk tujuan gambaran berdasarkan akaun-akaun teraudit UDPB dan anak-anak syarikatnya, disediakan atas andaian bahawa pengambilalihan modal saham yang diterbitkan dan berbayar anak-anak syarikat telah selesai dilaksanakan pada 1 April 1994:-

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac					Tempoh lima (5) bulan berakhir
	1995	1996	1997	1998	1999	31.8.99
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah dagangan	36,308	49,717	59,264	92,362	140,627	43,066
PBT	9,693	14,129	11,432	23,224	39,849	9,811
Tolak : Cukai	-	(400)	(365)	(3,151)	(3,516)	(4,200)
PAT	9,693	13,729	11,067	20,073	36,333	5,611
MI	-	-	-	-	-	-
PAT selepas MI	9,693	13,729	11,067	20,073	36,333	@5,611
Bil. saham biasa diandaikan dalam terbitan ('000)	6,823	6,823	6,823	6,823	6,823	6,823
EPS kasar (RM)	1.42	2.07	1.68	3.40	5.84	*3.45
EPS bersih (RM)	1.42	2.01	1.62	2.94	5.32	*1.97
Kadar dividen kasar (%)	-	-	-	150	100	380

* Disetahunkan

Berdasarkan modal saham diterbitkan dan berbayar UDPB selepas mengambil kira saham-saham yang diterbitkan oleh UDPB bagi pengambilalihan anak-anak syarikat, iaitu UOMSB, UCorp dan UPSB.

@ Sekiranya keuntungan disatukan selepas cukai dan kepentingan minoriti disetahunkan, Kumpulan UDPB akan hanya mencapai anggaran keuntungan disatukan sebanyak RM13.5 juta bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Mac 2000. Walau bagaimanapun, Kumpulan UDPB dijangka akan mengekal anggaran keuntungan disatukan sebanyak RM16.896 juta bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Mac 2000 akibat daripada pengeluaran FFB yang bertambah dijangkakan memandangkan musim puncak bagi Kumpulan jatuh di antara bulan-bulan Oktober sehingga Disember.

Nota:-

- (a) Proforma keputusan-keputusan kewangan bagi dua puluh satu (21) buah syarikat termasuk dalam Kumpulan UDPB dipetik daripada akaun-akaun teraudit.
- (b) Peningkatan dalam jumlah dagangan dan PBT dalam 1996 adalah akibat pertambahan dalam keluaran FFB disebabkan pertambahan dalam kawasan matang.

1. RINGKASAN MAKLUMAT (SAMB)

- (c) *Peningkatan dalam jumlah dagangan dan PBT pada 1998 dan 1999 adalah terutamanya kibat daripada harga CPO yang lebih baik dan bermulanya kilang minyak baru Kumpulan.*
- (d) *Kesemua urusniaga antara syarikat telah dihapus kira atas proforma penyatuan.*
- (e) *Tidak ada keuntungan tidak direalisasi yang material timbul yang memerlukan penghapusan atas penyatuan.*
- (f) *Tidak ada perkara terkecuali dan luar biasa berhubung dengan kesemua tahun kewangan di bawah kajian.*

1.3 Perangkaan Penting berhubung dengan Terbitan Awam/Tawaran Untuk Jualan

(i) Modal Saham

	RM'000
Dibenarkan	
500,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	<u>500,000</u>
Diterbitkan dan berbayar penuh	
89,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	89,000
Akan diterbitkan selaras dengan Terbitan Awam	
49,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham	<u>49,000</u>
	<u>138,000</u>

(ii) Akan ditawarkan selaras dengan Tawaran untuk Jualan

25,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham (RM'000) 25,000

(iii) Harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan setiap saham

RM1.50

(iv) Anggaran dan Ramalan Keuntungan Disatukan

Tahun Kewangan Akan Berakhir 31 Mac	2000	2001
PBT disatukan tetapi selepas MI (RM'000)	24,982	26,433
PAT disatukan selepas MI (RM'000)	16,896	20,048
Bil. saham dalam terbitan ('000)	* 62,891	138,000
EPS kasar (sen)	39.7	19.1
EPS bersih (sen)	26.9	14.5
Pengganda PE kasar berdasarkan harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham (kali)	3.8	7.8
Pengganda PE bersih berdasarkan harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham (kali)	5.6	10.3

* purata wajaran bilangan saham dalam terbitan

(v) Anggaran Dan Ramalan Dividen

Tahun Kewangan Akan Berakhir 31 Mac	2000	2001
Dividen kasar (%)	5.0	5.0
Dividen bersih (%)	3.6	3.6
Kadar hasil dividen kasar berdasarkan harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham (%)	3.33	3.33
Kadar hasil dividen bersih berdasarkan harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham (%)	2.4	2.4
Lindungan dividen bersih berdasarkan modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak 138,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham (kali)	3.40	4.03

1. RINGKASAN MAKLUMAT (SAMB)

(vi) Proforma NTA Kumpulan pada 31 Ogos 1999

Proforma NTA Kumpulan (RM'000)	310,294
(selepas mengambil kira Langkah Penyusunan Semula dan pelarasan bagi anggaran perbelanjaan penyenaraian sebanyak RM1,500,000)	
Proforma NTA Kumpulan setiap saham (RM)	2.25
(berdasarkan modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak 138,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham)	

1.4 Asas Penetapan Harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan

Harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan sebanyak RM1.50 setiap saham ditentukan dan dipersetujui sepenuhnya oleh Arab-Malaysian sebagai Penasihat dan Pengurus Taja Jamin, Penawar dan UDPB selepas mengambil kira, antara lainnya, faktor-faktor berikut:-

- (a) Berdasarkan proforma NTA Kumpulan setiap saham setakat 31 Ogos 1999 sebanyak RM2.25, harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham merupakan diskaun sebanyak RM0.75 atau 33.33% kepada proforma NTA Kumpulan setiap saham;
- (b) Anggaran dan ramalan pengganda PE bersih 5.6 kali dan 10.3 kali adalah berdasarkan anggaran dan ramalan EPS bersih disatukan sebanyak kira-kira 26.9 sen dan 14.5 sen masing-masing bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2000 dan 31 Mac 2001 dan harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham;
- (c) Anggaran dan ramalan kadar hasil dividen kasar 3.33%; dan
- (d) Prospek Kumpulan UDPB seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 5 Prospektus ini.

Para Pengarah UDPB, Penawar dan Arab-Malaysian berpendapat bahawa harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan adalah berpatutan selepas mempertimbangkan dengan teliti faktor-faktor yang disebutkan di atas.

Bagaimanapun, para pemegang saham juga harus mengambil perhatian bahawa harga pasaran saham-saham UDPB apabila disenaraikan di BSKL adalah tertakluk kepada ragam kuasa pasaran dan ketidaktentuan lain yang boleh mempengaruhi harga saham-saham UDPB yang diurusniagakan.

1.5 Pertimbangan Pelaburan

Pemohon-pemohon Saham Terbitan Awam/Saham Tawaran harus mempertimbangkan dengan teliti maklumat berikut di samping maklumat lain yang terkandung di bahagian-bahagian lain dalam Prospektus ini sebelum memohon Terbitan Awam/Saham Tawaran:-

(i) Tiada Pasaran Terdahulu bagi Saham UDPB

Sebelum Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan ini, tiada pasaran awam bagi saham-saham UDPB dan tiada jaminan berhubung dengan perkembangan masa depan pasaran bagi saham-saham UDPB. Tiada jaminan bahawa harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan akan sama dengan harga saham-saham UDPB akan diurusniagakan di Papan Utama BSKL dan tiada jaminan bahawa pasaran yang cergas bagi saham-saham UDPB akan wujud dan berterusan semasa atau selepas penyenaraianannya.

1. RINGKASAN MAKLUMAT (SAMB)

Harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham telah ditentukan selepas mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk tetapi tidak terhad kepada sejarah dan kedudukan kewangan dan pengendalian Kumpulan, prospek masa depan Kumpulan dan industri di mana Kumpulan bergerak, NTA Kumpulan, harga pasaran bagi saham syarikat-syarikat yang bergerak dalam perniagaan yang sama dengan perniagaan Kumpulan serta keadaan pasaran semasa pada ketika Prospektus ini dikeluarkan.

(ii) Risiko Perniagaan

UDPB tertakluk kepada risiko-risiko tertentu yang terdapat dalam industri perladangan. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan cuaca, penawaran buruh, baja dan bahan kimia pertanian yang lain, perubahan kos buruh, ancaman pengganti keluaran minyak sawit, perubahan dalam keadaan ekonomi am, perniagaan dan kredit. Walaupun Kumpulan berusaha untuk mengehadkan risiko-risiko ini, namun tiada jaminan boleh diberi bahawa sebarang perubahan pada faktor-faktor ini tidak akan mendatangkan kesan buruk yang besar kepada perniagaan Kumpulan.

(iii) Persaingan

Selain bersaing dengan keluaran minyak sawit yang lain, Kumpulan UDPB juga menghadapi persaingan daripada pengeluar-pengeluar minyak sayur yang lain seperti minyak kacang soya, minyak bunga matahari, minyak kelapa dan minyak biji sesawi. Oleh itu, tiada jaminan diberi bahawa UDPB akan dapat mengekalkan bahagian pasarannya yang sedia ada pada masa depan.

Walau bagaimanapun, permintaan yang sentiasa meningkat bagi minyak makan dan lemak di seluruh dunia berserta dengan kos pengeluaran minyak sawit yang secara perbandingannya lebih rendah akan terus memberikan dorongan yang positif kepada industri minyak sawit tempatan, oleh itu meningkatkan prospek masa depan Kumpulan.

(iv) Pergantungan kepada Pengurusan Utama

Prestasi UDPB yang berterusan banyak bergantung kepada kebolehan dan usaha berterusan para Pengarah dan pengurusan kanannya yang sedia ada, serta keupayaannya untuk menarik dan/atau mengekalkan personele mahir. Bagaimanapun, berdasarkan khidmat ramai pengarah dan kakitangannya yang lama dan berdedikasi, Kumpulan yakin bahawa mereka akan terus berkhidmat dengan Kumpulan untuk tahun-tahun akan datang.

(v) Konflik Kepentingan yang Mungkin Timbul

Pengarah-pengarah tertentu Kumpulan UDPB mempunyai kepentingan dalam syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan perniagaan yang sama dengan Kumpulan UDPB. Syarikat-syarikat ini tidak mempunyai hubungan langsung dengan UDPB kecuali para Pengarah ini mempunyai kepentingan di dalamnya. Butir-butir lanjut mengenai kepentingan Pengarah dalam perniagaan yang sama diberikan dalam Seksyen 11.3 Prospektus ini.

1. RINGKASAN MAKLUMAT (SAMB)

Sebagai mematuhi salah satu syarat yang ditetapkan oleh SC dalam meluluskan penyenaraian UDPB di Papan Utama BSKL, para pengajur dan Pengarah Kumpulan UDPB tidak akan mencebur perniagaan baru yang akan menimbulkan situasi konflik kepentingan dengan perniagaan Kumpulan UDPB yang sedia ada untuk memastikan bahawa sebarang keputusan yang dibuat adalah demi kepentingan Kumpulan UDPB.

(vi) **Anggaran dan Ramalan Keuntungan**

Prospektus ini mengandungi anggaran dan ramalan keuntungan Kumpulan UDPB yang berdasarkan andaian-andaian tertentu yang dianggap munasabah oleh para Pengarah UDPB. Disebabkan pertimbangan yang subjektif dan ketidaktentuan yang terdapat pada anggaran dan ramalan ini, dan disebabkan peristiwa dan keadaan tidak berlaku seperti yang dijangkakan, maka tiada jaminan bahawa anggaran dan ramalan yang terkandung di sini akan terealis dan hasil-hasil sebenar mungkin sangat berbeza daripada hasil-hasil yang ditunjukkan. Para pelabur dianggap sudah membaca dan memahami penerangan tentang andaian-andaian dan ketidaktentuan yang mendasari anggaran dan ramalan yang terkandung di sini.

(vii) **Turun Naik Harga CPO**

Minyak sawit mendapat faedah yang besar daripada kejatuhan nilai RM kerana dagangan dan eksport minyak sawit mentah dan diproses negara diurusniagakan dalam Dolar Amerika. Dengan kata lain, harga CPO sangat mudah terdedah kepada turun naik Dolar Amerika.

Hal ini telah dikurangkan terutamanya melalui peraturan kawalan tukaran yang telah dilaksanakan pada 1 September 1998 yang telah menetapkan Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika (pada kadar RM3.80 =AS\$1).

Bagaimanapun, harga CPO pada asasnya masih lagi bergantung kepada penawaran dan permintaan di pasaran minyak dan lemak dunia.

(viii) **Pepijat Alaf**

Pepijat Alaf atau masalah Tahun 2000 (Y2K) merujuk kepada masalah di mana atur cara perkakasan dan perisian komputer yang tertentu tidak dapat mengecam dan memproses dengan betul rujukan dua digit pada tarikh-tarikh selepas 31 Disember 1999. Apabila tibanya tahun 2000, sistem-sistem ini mungkin tersilap mentafsirkan "00" dalam medan tahun sebagai "1900" dan ini akan sentiasa menyebabkan kegagalan sistem atau menghasilkan keputusan yang tidak diingini berikutnya ketidakupayaannya untuk memproses data dengan betul.

Pengarah UDPB dan pihak pengurusan syarikat masing-masing dalam Kumpulan UDPB benar-benar menyedari masalah Y2K ini dan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menilai takat kepatuhannya. Syarikat telah mengenal pasti beberapa aspek yang tidak mematuhi keperluan Y2K dan proses menggantikan dan/atau mempertingkatkan perkakasan dan perisian tersebut sudah pun selesai dilaksanakan. Kos yang dianggarkan terabit dalam mempertingkatkan peralatan-peralatan untuk memastikan pematuhan Y2K sepenuhnya ialah kira-kira RM100,000 yang tidak mempunyai kesan yang besar kepada perolehan Kumpulan.

1. RINGKASAN MAKLUMAT (SAMB)

Walaupun Syarikat sudah mematuhi keperluan Y2K, ia juga bergantung kepada pihak ketiga bagi keluaran dan perkhidmatan seperti kuasa, air, telekomunikasi dan perbankan yang keadaan kesediaan Y2Knya adalah di luar kawalan Syarikat. Bagaimanapun, sistem komputer Pendaftar Syarikat, iaitu M & C Services Sdn Bhd, adalah mematuhi keperluan Y2K. Bagaimanapun, menyedari pergantungan Kumpulan kepada pihak ketiga, Syarikat akan terus mengkaji semula dan mengawasi perkembangan pematuhan Y2K oleh para pembekalnya untuk memastikan bahawa tiada gangguan dalam penghantaran baja, bahan kimia dan kehuaran habis guna. Sebagai rancangan luar jangka, Kumpulan telah merancang untuk meningkatkan simpanan stok bagi barang ini dan mungkin menangguhkan penggunaan baja dan bahan kimia.

Kesan masalah Y2K ke atas operasi Kumpulan dijangka tidak teruk kerana kebanyakan mesin yang digunakan dalam operasi harian tidaklah peka tarikh. Oleh yang demikian, Syarikat tidak akan mendapatkan pengesahan bebas berhubung dengan pematuhan Y2Knya.

Semasa gulung lampau baru-baru ini, Kumpulan tidak mengalami apa-apa masalah Y2K dan setakat 18 Februari 2000, tiada masalah Y2K yang dihadapi dalam operasi harian Kumpulan.

Lembaga Pengarah UDPB telah diberi taklimat mengenai isu dan tindakan yang diambil ole pihak pengurusan syarikat masing-masing dalam Kumpulan UDPB untuk memastikan pematuhan Y2K.

2. MAKLUMAT KORPORAT**LEMBAGA PENGARAH**

Nama	Alamat	Pekerjaan	Warganegara
Tan Sri Ngan Ching Wen <i>(Pengerusi dan Pengarah Urusan)</i>	9, Jalan Teruntong Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur	Pengarah Syarikat	Malaysia
Tan Sri Dato' Soong @ Soong Siew Hoong <i>(Pengarah Bukan Eksekutif)</i>	9, Jalan 6/6 46000 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	Pengarah Syarikat	Malaysia
Dato' Lee Seng Cheng <i>(Pengarah Bukan Eksekutif)</i>	2591, Lorong Tun Syed Sheikh Shahbuddin 5/3 Taman Lumba Kuda 05250 Alor Setar Kedah	Pengarah Syarikat	Malaysia
Dato' Lee Choon @ Lee Chun <i>(Pengarah Bukan Eksekutif)</i>	47, Jalan Yazid Ahmad 70200 Seremban Negeri Sembilan	Pengarah Syarikat	Malaysia
Yeo Kian Leng @ Yeoh Joo Chuan <i>(Pengarah Bukan Eksekutif)</i>	166-A, Jalan Sireh Off Jalan Meru, 41050 Klang Selangor Darul Ehsan	Pengarah Syarikat	Malaysia
Mew Jin Seng <i>(Pengarah Bukan Eksekutif)</i>	41, Jalan 20/2 46300 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	Pengarah Syarikat	Malaysia
Dr. Yeong Cheong Thye @ Yeong Yue Chai <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	21, Lorong Kota Raja Taman Bukit Seputeh 58000 Kuala Lumpur	Pengarah Syarikat	Malaysia
Teoh Hock Chai @ Tew Hock Chai <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	82, Jalan SS2/24 47300 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	Pengarah Syarikat	Malaysia

JAWATANKUASA AUDIT

Nama	Jawatan	Keahlian Pengarah
Dr Yeong Cheong Thye @ Yeong Yue Chai	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Tan Sri Dato' Soong @ Soong Siew Hoong	Ahli	Bukan Pengarah Eksekutif
Teoh Hock Chai @ Tew Hock Chai	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

2. MAKLUMAT KORPORAT (SAMB)

SETIAUSAHA SYARIKAT	: Wong Choong Yee (MIA 11084) 11 Jalan SR 7/5 Taman Serdang Raya 43300 Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan
PEJABAT BERDAFTAR	: Tingkat 8, Office Tower Plaza Berjaya 12, Jalan Imbi 55100 Kuala Lumpur Tel No. : 03 - 241 0166
PENDAFTAR DAN PEJABAT PEMINDAHAN UDPB/UHB	: M & C Services Sdn Bhd Tingkat 11, Wisma Damansara Jalan Semantan Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur
RUMAH TERBITAN	: Malaysian Issuing House Sdn Bhd (258345-X) Tingkat 27, Menara Multi-Purpose Capital Square No. 8, Jalan Munshi Abdullah 50100 Kuala Lumpur
BANK-BANK UTAMA	: Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad Tingkat 22, Bangunan Arab-Malaysian No. 55, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur
	: Sabah Bank Berhad Tingkat Bawah, Wisma SPS 32 Jalan Imbi 55100 Kuala Lumpur
	: Asia Commercial Finance (M) Berhad Suite 10.01, Aras 10 Menara Lion 165, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur
	: Perdana Merchant Bankers Berhad Tingkat 11, Wisma Genting Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur
	: RHB Sakura Merchant Bankers Berhad Aras 9, Tower Three RHB Centre, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur
	: Standard Chartered Bank Malaysia Berhad 2 Jalan Ampang Peti Surat 13570 50814 Kuala Lumpur
	: Oriental Bank Berhad Tingkat Bawah, Wisma KLJH 126 Jalan Bukit Bintang 55100 Kuala Lumpur

2. MAKLUMAT KORPORAT (SAMB)

JURUAUDIT DAN AKAUNTAN MELAPOR	: Coopers & Lybrand Akauntan Awam Tingkat 22, Plaza IGB Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur
PEGUAMCARA	: Azman, Davidson & Co Suite 13.03, Tingkat 13 Menara Tan & Tan 207, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur
PENASIHAT DAN PENGURUS PENAJA JAMIN	: Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad Tingkat 22, Bangunan Arab-Malaysian No. 55, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur
PENAJA-PENAJA JAMIN	: Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad Tingkat 22, Bangunan Arab-Malaysian No. 55, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur
	Perdana Merchant Bankers Berhad Tingkat 11, Wisma Genting Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur
	RHB Sakura Merchant Bankers Berhad Aras 9, Tower Three RHB Centre, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur
JURUNILAI	: CH Williams Talhar & Wong (Sabah) Sdn Bhd Tingkat 2, Lot 2, Blok A Bangunan RHB Bank Metro Commercial Centre Jalan Kiambang Peti Surat 60600 91115 Lahad Datu Sabah
PENYENARAIAN DIPOHON	: Papan Utama BSKL

3. PENGENALAN

Prospektus ini bertarikh 29 Februari 2000.

Salinan Prospektus ini telah dikemukakan dengan dan didaftarkan oleh ROC yang tidak akan bertanggungjawab bagi isi kandungannya.

Kelulusan SC tidak boleh diambil sebagai petunjuk bahawa SC mengesyorkan Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan, dan pelabur-pelabur hendaklah bergantung kepada penilaian mereka sendiri untuk menilai merit-merit dan risiko-risiko Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan.

Permohonan akan dibuat kepada BSKL dalam tempoh tiga (3) hari pasaran selepas Prospektus ini dikeluarkan bagi kemasukan ke Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga bagi modal saham UDPB yang diterbitkan dan berbayar penuh termasuk Saham Terbitan Awam dan Saham Tawaran pada Papan Utama BSKL. Saham-saham akan dimasukkan ke Senarai Rasmi pada Papan Utama BSKL dan sebut harga rasmi akan bermula atas penerimaan pengesahan daripada MCD bahawa semua Akaun CDS pemohon-pemohon yang berjaya telah dikreditkan sewajarnya dan notis peruntukan telah dihantar kepada semua pemohon yang berjaya. Penerimaan permohonan bagi Saham Tawaran dan Saham Terbitan Awam akan bersyarat atas kebenaran diberikan oleh BSKL untuk berurusan dalam dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan pada Papan Utama BSKL. Selaras dengan itu, wang yang diterima daripada Tawaran untuk Jualan dan Terbitan Awam akan dikembalikan sekiranya kebenaran tersebut tidak diperolehi.

Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 dan Seksyen 39(1)(j) Akta Syarikat, 1965, BSKL telah menetapkan saham Syarikat sebagai kaunter CDS. Selaras dengan itu, Saham Tawaran dan Saham Terbitan Awam ditawarkan melalui Prospektus ini akan didepositkan terus dengan MCD dan mana-mana urusniaga dalam saham-saham ini akan dijalankan selaras dengan Akta-akta yang dinyatakan di atas dan Peraturan-peraturan MCD.

Pemohon bagi Saham Terbitan Awam hendaklah menyatakan nombor Akaun CDSnya dalam ruang yang disediakan dalam Borang Permohonan sekiranya beliau pada masa ini mempunyai akaun sedemikian. Di mana pemohon belum lagi mempunyai Akaun CDS, beliau hendaklah menyatakan dalam Borang Permohonan Kod ADA pilihannya. Bagi Saham Tawaran, Pemegang Saham Yang Berhak hendaklah menyatakan nombor Akaun CDS beliau atau nombor Akaun CDS nomini yang dibenarkan dilantik oleh beliau dalam ruang yang disediakan dalam Borang Permohonan Biru.

BSKL tidak akan bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat atau pandangan-pandangan atau laporan-laporan yang terkandung dalam Prospektus ini. Kemasukan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit Syarikat atau saham-sahamnya.

Tiada sesiapa dibenarkan untuk memberi sebarang maklumat atau membuat sebarang representasi yang tidak terkandung dalam Prospektus ini berhubung dengan Tawaran untuk Jualan dan/atau Terbitan Awam dan sekiranya diberi atau dibuat, maklumat atau representasi sedemikian tidak boleh dianggap sebagai telah dibenarkan oleh UDPB dan/atau Penawar. Penghantaran Prospektus ini atau mana-mana Tawaran untuk Jualan dan/atau Terbitan Awam yang dibuat berhubung dengan Prospektus ini tidak akan, dalam apa keadaan sekalipun, merupakan representasi atau membentuk sebarang implikasi bahawa tiada perubahan dalam hal ehwal Kumpulan UDPB sejak tarikh Prospektus ini.

Pengedaran Prospektus ini dan penjualan Saham Tawaran dan/atau Saham Terbitan Awam dalam lain-lain bidang mungkin disekat oleh undang-undang. Sesiapa yang memiliki Prospektus ini adalah dikehendaki memaklumkan diri sendiri dan mematuhi arahan-arahan sedemikian. Prospektus ini tidak membentuk dan tidak boleh digunakan untuk tujuan pelawaan untuk melanggar bagi Tawaran untuk Jualan dan/atau Terbitan Awam dalam mana-mana bidang kuasa di mana tawaran atau pelawaan sedemikian tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang atau kepada mana-mana orang kepada siapa adalah menyalahi undang-undang untuk membuat tawaran atau pelawaan sedemikian.

3. PENGENALAN (SAMB)

Tanggungjawab Akauntan Melapor berhubung dengan Prospektus ini tidak lebih daripada Laporan Akauntan, Anggaran dan Ramalan Keutungan Disatukan dan Proforma Kunci Kira-kira Disatukan. Akauntan Melapor tidak terlibat dalam penyediaan Prospektus ini, selain daripada yang dilaporkan dan surat.

Sekiranya anda ragu-ragu tentang Prospektus ini, anda hendaklah meminta nasihat broker saham, pengurus bank, peguamcara, akauntan atau lain-lain penasihat profesional anda.

4. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM DAN TAWARAN UNTUK JUALAN

4.1 Modal Saham

	RM
Modal saham dibenarkan:	
500,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	<u>500,000,000</u>
Modal saham diterbitkan dan berbayar penuh:	
89,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	89,000,000
Akan diterbitkan selaras dengan Terbitan Awam:	
49,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham	<u>49,000,000</u>
	<u>138,000,000</u>
Akan ditawarkan selaras dengan Tawaran untuk Jualan:	
25,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	25,000,000

Terdapat hanya satu kelas saham dalam Syarikat, iaitu saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Saham Tawaran dan Saham Terbitan Awam bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat, termasuk hak-hak mengundi dan hak kepada semua dividen dan lain-lain pengagihan yang mungkin diisyiharkan selepas tarikh Prospektus ini.

Tertakluk kepada mana-mana hak khas yang terdapat pada mana-mana saham yang mungkin diterbitkan oleh Syarikat pada masa hadapan, pemegang-pemegang Saham dalam Syarikat akan, mengikut perkadarannya kepada jumlah yang dibayar ke atas Saham-saham yang dipegang oleh mereka, berhak untuk berkongsi dalam keseluruhan keuntungan yang dibayar oleh Syarikat sebagai dividen dan lain-lain pengagihan. Berhubung dengan keseluruhan mana-mana lebihan sekiranya berlaku pembubaran Syarikat, lebihan tersebut akan diagihkan di antara ahli-ahli dalam perkadarannya kepada modal berbayar pada permulaan pembubaran, selaras dengan Tataurus Pertubuhannya.

Setiap pemegang saham adalah berhak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat agung Syarikat, secara sendiri atau melalui proksi atau melalui wakil, dan, atas unjukan tangan setiap orang yang hadir yang merupakan pemegang saham atau wakil atau proksi atau wakil pemegang saham akan mempunyai satu undi, dan atas undi secara pol setiap pemegang saham yang hadir secara sendiri atau melalui proksi atau melalui wakil atau wakil diberi kuasa sewajarnya yang lain akan mempunyai satu undi bagi setiap saham yang dipegang. Seorang proksi tidak perlu menjadi ahli Syarikat.

4.2 Butir-butir Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan

Terbitan Awam 49,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM1.50 setiap saham dan Tawaran untuk Jualan 25,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham pada harga tawaran RM1.50 setiap saham dibayar penuh semasa permohonan/penerimaan atas terma-terma dan syarat-syarat tertentu seperti yang dibentangkan dalam Prospektus ini. Saham Terbitan Awam/Tawaran berjumlah 74,000,000 saham biasa bernilai RM1/00 sesaham akan diperuntukkan dalam cara berikut:-

- (a) 41,400,000 Saham Terbitan Awam akan diperuntukkan kepada pelabur-pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI;

4. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM DAN TAWARAN UNTUK JUALAN (SAMB)

- (b) 746,000 Saham Terbitan Awam akan diperuntukkan kepada kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak;
- (c) 25,000,000 Saham Tawaran akan diperuntukkan kepada Pemegang Saham UHB yang Berhak; dan
- (d) 6,854,000 Saham Terbitan Awam akan disediakan untuk orang-orang awam, syarikat, persatuan, koperasi dan institusi Malaysia, yang mana sekurang-kurangnya 30% akan diketepikan khas untuk individu, syarikat, persatuan, koperasi dan institusi Bumiputera.

Pemegang Saham UHB yang Berhak adalah juga layak untuk memohon bagi Saham Terbitan Awam di bawah perenggan (d) walaupun mereka memutuskan untuk menerima tawaran yang dibuat kepada mereka di bawah perenggan (c) di atas.

Saham biasa di bawah perenggan (a) tidak perlu ditaja jamin dan dengan itu tidak ditaja jamin. Sebanyak 15,761,479 saham biasa di bawah perenggan (c) dan kesemua saham biasa di bawah perenggan (b) dan (d) di atas telah ditaja jamin sepenuhnya pada komisyen taja jamin 1.75% harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham. Sebanyak 15,761,479 Saham Tawaran telah ditaja jamin memandangkan saham-saham ini akan membentuk sebahagian daripada 25% syarat tebaran pemegangan saham awam.

Jika sekiranya berlaku terlebih langganan oleh orang-orang awam Malaysia bagi saham-saham biasa di bawah perenggan (d), Saham Tawaran yang ditaja jamin yang tidak diterima oleh Pemegang Saham UHB yang Berhak akan diguna pertamanya untuk memenuhi terlebih langganan. Mana-mana Saham Tawaran ditaja jamin yang tidak dilanggani oleh orang-orang awam Malaysia kemudiannya akan dibuka untuk langganan oleh Penaja-penaja Jamin mengikut perkadarannya ditetapkan dalam Perjanjian Taja Jamin bertarikh 23 Februari 2000.

4.3 Pembrokeran dan Komisyen Taja jamin

Pembrokeran perlu dibayar oleh UDPB dan Penawar pada kadar 1.0% daripada harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham berhubung dengan permohonan yang berjaya membawa cop Arab-Malaysian, syarikat-syarikat ahli BSKL, ahli Persatuan Bank di Malaysia, ahli Persatuan Bank Saudagar di Malaysia atau MIH.

Penaja-penaja Jamin yang telah dinyatakan sebelum ini dalam Prospektus ini telah bersetuju untuk menaja jamin sehingga 7,600,000 Saham Terbitan Awam yang akan diterbitkan kepada orang-orang awam Malaysia dan kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak dan sehingga 15,761,479 Saham Tawaran akan ditawarkan kepada Pemegang Saham UHB Yang Berhak. Komisyen taja jamin perlu dibayar oleh UDPB dan Penawar pada kadar 1.75% harga Terbitan Awam/Tawaran untuk Jualan RM1.50 setiap saham bagi saham-saham biasa yang ditaja jamin.

4.4 Tujuan Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan

Tujuan Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan adalah seperti berikut:-

- (a) untuk membolehkan UDPB mendapat lajuan ke pasaran modal dan mendapatkan dana bagi untuk pengembangan dan pertumbuhan Kumpulan UDPB;
- (b) untuk menyediakan peluang kepada kakitangan UHB dan Kumpulan UDPB yang layak dan orang-orang awam Malaysia untuk menyertai dalam ekuiti dan pertumbuhan berterusan Kumpulan;

4. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM DAN TAWARAN UNTUK JUALAN (SAMB)

- (c) untuk membolehkan UDPB mematuhi Dasar Pembangunan Negara mengenai penyertaan Bumiputera dalam ekuiti UDPB; dan
- (d) untuk memudahkan penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham UDPB yang diterbitkan dan berbayar sebanyak 138,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham pada Papan Utama BSKL dan untuk mematuhi dengan syarat-syarat penyenaraian BSKL dan SC berhubung dengan tebaran minimum.

4.5 Perolehan Terbitan Terhad kepada Eksekutif, Terbitan Terhad kepada Pengarah, Terbitan Awam, Tawaran untuk Jualan dan penggunaannya

Tawaran untuk Jualan akan mengumpulkan jumlah perolehan kasar yang dianggarkan sebanyak RM37,500,000. Jumlah ini akan terakru kepada Penawar dan tiada bahagian daripada perolehan ini boleh diterima oleh UDPB. Penawar akan menanggung semua perbelanjaan seperti komisyen taja jamin, pembrokeran, pendaftaran dan yuran pemindahan saham berkaitan dengan Saham Tawaran.

Semua perolehan Terbitan Terhad kepada Eksekutif, Terbitan Terhad kepada Pengarah dan Terbitan Awam selepas ditolak perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan akan terakru kepada UDPB. Angara jumlah perolehan kasar Terbitan Terhad kepada Eksekutif, Terbitan Terhad kepada Pengarah dan Terbitan Awam adalah sebanyak RM77,250,000. UDPB akan menanggung semua perbelanjaan lain yang berkaitan dengan penyenaraian dan sebut harga bagi saham-saham UDPB di Papan Utama BSKL yang termasuk komisen taja jamin, pembrokeran, yuran pendaftaran, yuran profesional, yuran SC, pengiklanan dan perbelanjaan penyenaraian serta yuran-yuran lain yang dianggarkan sebanyak RM1.5 juta.

UDPB berhasrat untuk menggunakan perolehan ini dalam cara berikut:-

	RM	Nota
Membayar semula kerja mempertingkatkan kilang minyak dan perbelanjaan pembangunan ladang	20,000,000	(a)
Membayar semula pengambilalihan lima (5) syarikat pemilik ladang daripada Lion Plantations	14,000,000	(b)
Perbelanjaan pembangunan ladang yang akan ditanggung bagi ladang-ladang baru	4,500,000	(c)
Membina kediaman kakitangan	500,000	(d)
Membayar balik jumlah yang perlu dijelaskan kepada UHB	27,000,000	(e)
Modal kerja	9,750,000	(f)
Perbelanjaan penyenaraian yang dianggarkan	1,500,000	
Jumlah	<u>77,250,000</u>	

Nota:-

- (a) *Membayar semula kerja mempertingkatkan kilang minyak dan perbelanjaan pembangunan ladang* *RM20,000,000*

Sebanyak RM20.0 juta daripada jumlah perolehan tersebut akan digunakan untuk membayar semula kerja mempertingkatkan dua (2) buah kilang minyak sawit Kumpulan yang sedia ada dan perbelanjaan pembangunan ladang yang telah dijalankan pada Mei dan Julai 1997. Pinjaman tempoh telah diperoleh daripada pemberi-pemberi pinjaman berikut untuk membayar sepenuhnya kos mempertingkatkan kilang dan perbelanjaan pembangunan seperti yang diperincikan di bawah:-

4. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM DAN TAWARAN UNTUK JUALAN (SAMB)

<i>Nama Pemberi Pinjaman</i>	<i>Had Kemudahan</i>	<i>Jumlah belum jelas setakat 31.1.2000</i>			<i>Tamat TempohKemudahan</i>
		<i>Sebelum Pembayaran Semula</i>	<i>Selepas Pembayaran Semula</i>	<i>RM'000</i>	
<i>Arab-Malaysian</i>	<i>20,000</i>	<i>8,320</i>	-	<u><i>14,918</i></u>	<i>Februari 2002</i>
<i>Sabah Bank</i>	<i>25,000</i>	<i>5,203</i>	-	<u><i>1,395</i></u>	<i>September 2000</i>
<i>ACF</i>	<i>16,000</i>	<u><i>1,395</i></u>	-	<u><i>14,918</i></u>	<i>Oktober 2000</i>

Baki sebanyak RM5.082 juta akan digunakan sebagai modal kerja dan perbelanjaan pembangunan ladang untuk ladang-ladang yang dimiliki oleh Zuba. Langkah ini dijangka akan menghasilkan penjimatan faedah kira-kira RM2.6 juta setahun.

Kilang-kilang Kumpulan UDPB telah dipertingkatkan seperti berikut:-

UDPB

Sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan kepada UDPB bagi pembesaran kilang minyak sawit daripada 40 TM sejam kepada 80 TM FFB sejam. Kerja pembesaran ini bermula pada Julai 1997 dan siap pada Ogos 1998. Jumlah kos yang ditanggung bagi proses mempertingkatkan kilang ini ialah RM9.3 juta. Maklumat lanjut mengenai kilang ini dibentangkan dalam Seksyen 6.5.1 Prospektus ini.

UOMSB

Sejumlah RM3 juta telah diperuntukkan kepada UOMSB bagi pembesaran kilang minyak sawit daripada 30 TM FFB sejam kepada 40 TM FFB sejam. Kerja pembesaran ini bermula pada bulan Mei 1997 dan siap pada Ogos 1998. Jumlah kos yang ditanggung bagi proses mempertingkatkan kilang ini ialah RM2.73 juta. Maklumat lanjut mengenai kilang ini dibentangkan dalam Seksyen 6.5.1 Prospektus ini.

Proses mempertingkatkan kilang yang telah meningkatkan keupayaan pengeluaran telah dilaksanakan untuk menampung peningkatan masa depan yang dijangkakan dalam pengeluaran FFB daripada ladang Kumpulan dan ladang bukan Kumpulan memandangkan sebahagian besar daripada ladang-ladang yang dimiliki oleh Kumpulan terdiri daripada pokok-pokok yang tidak matang, hampir matang dan baru matang.

Perbelanjaan pembangunan ladang pula terdiri daripada perbelanjaan yang ditanggung untuk menugarkan tanah, menanam dan menyenggarakan ladang-ladang sehingga matang. Perbelanjaan ini juga termasuk kos yang ditanggung untuk membina pagar, saliran dan jalan-jalan dalam kawasan ladang. Keseluruhannya, sejumlah kira-kira RM3.0 juta yang dibiayai melalui pinjaman bank telah ditanggung bagi pembangunan ladang-ladang UDPB.

4. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM DAN TAWARAN UNTUK JUALAN (SAMB)

- (b) *Membaiayai semula pengambilalihan lima (5) buah syarikat pemilik ladang daripada Lion Plantations* **RM14,000,000**

Pada 6 Mac 1998, UCorp, iaitu anak syarikat milik penuh UDPB telah menandatangani perjanjian jual beli bersyarat dengan Lion Plantations, iaitu anak syarikat 70% milik Amsteel Corporation Berhad, untuk mengambil alih seluruh modal saham diterbitkan dan berbayar lima (5) buah syarikat yang pula memiliki kira-kira 2.917 ekar tanah ladang untuk jumlah balasan tunai RM19,165,076. Pengambilalihan tersebut dibaiayai melalui pinjaman tempoh yang diperoleh sebanyak RM14.0 juta dan dana yang dijana secara dalam sebanyak kira-kira RM5.2 juta. Butir-butir mengenai pinjaman tempoh tersebut ialah seperti berikut:-

<i>Nama Pemberi Pinjaman</i>	<i>Had Kemudahan</i>	<i>Jumlah belum jelas setakat 31.1.2000</i>			<i>Tamat Tempoh Kemudahan</i>
		<i>Sebelum Pembayaran Semula</i>	<i>Selepas Pembayaran Semula</i>	<i>RM'000</i>	
		<i>RM'000</i>	<i>RM'000</i>	<i>RM'000</i>	
<i>Standard Chartered Bank Malaysia Berhad</i>	<i>14,000</i>	<i>14,000</i>	<i>-</i>	<i>Julai 2003</i>	

Balasan pembelian bagi lima (5) buah syarikat ini ditentukan berdasarkan NTA tidak teraudit syarikat-syarikat tersebut selepas menggabungkan nilai pasaran ladang yang dimiliki oleh setiap syarikat. Penilaian awal bebas oleh sebuah firma penilai bebas, iaitu CH Williams Talhar & Wong (Sabah) Sdn Bhd telah dibuat pada 8 September 1998. Tanah ladang ini dinilai pada nilai pasaran terbuka sebanyak RM16,880,000 berdasarkan kaedah perbandingan.

Butir-butir syarikat-syarikat yang diambil alih adalah seperti berikut :-

<i>Nama Syarikat</i>	<i>NTA tidak diaudit pada 31.12.1997</i>	<i>Lebihan Penilaian Semula</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Kepentingan Ekuiti Berkesan</i>	<i>Balasan Tunai</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>		<i>RM</i>
Fasgro	5,067,031	2,816,623	7,883,654	100%	7,883,654
Segaco	1,917,684	1,075,539	2,993,223	100%	2,993,223
Supercrop	843,125	340,921	1,184,046	100%	1,184,046
Tutico	1,065,436	137,504	1,202,940	100%	1,202,940
Topcrop	4,774,060	1,127,153	5,901,213	100%	5,901,213
			<i>Jumlah</i>		<i>19,165,076</i>

Pengambilalihan syarikat-syarikat ini telah selesai dilaksanakan pada 1 Julai 1999.

4. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM DAN TAWARAN UNTUK JUALAN (SAMB)

Butir-butir tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat adalah seperti berikut :-

Pemilik/ Hak milik /Lokasi	Keterangan /Kegunaan Semasa	Kawasan Dibina (ekar)	Pegangan (tahun)	Nilai Buku Bersih pada 31.08.99	Nilai Pasaran Terbuka		Penilaian Diluluskan oleh SC
					Jurunilai pada 8 September 1998	RM	
Fasgro							
CL115338906	Ladang koko	449.70	Pajakan 99-tahun tamat pada	9,687,875	6,260,000	6,260,000	
CL115339396		225.40					
CL115339592		200.00					
CL115339387		222.70	31.12.2078				
CL115338880		29.74	&				
CL115348386		17.21	31.12.2079				
CL115338899		29.94					
Daerah Lahad Datu, Sabah							
Segaco							
CL115339645	Ladang koko	446.0	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2078	3,472,464	2,450,000	2,450,000	
Daerah Lahad Datu, Sabah							
Supercrop							
CL115342160	Ladang koko	206.8	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2079	1,313,410	1,030,000	1,030,000	
Daerah Lahad Datu, Sabah							
Topcrop							
CL115339636	Ladang koko	442.70	Pajakan 99-tahun tamat pada	5,905,311	5,890,000	5,890,000	
CL115339627		436.60					
Daerah Lahad Datu, Sabah			31.12.2078				
Tutico							
CL115342151	Ladang koko	210.1	Pajakan 99-tahun tamat pada 31.12.2079	1,173,205	1,250,000	1,250,000	
Daerah Lahad Datu, Sabah							
				Jumlah	21,552,265	16,880,000	16,880,000

Syarikat akan menggunakan RM14.0 Juta daripada jumlah perolehan untuk membayar balik pinjaman bank. Ini dijangka akan menghasilkan penjualan saedah lebih kurang RM1.12 Juta setiap tahun kepada Kumpulan.

- (c) Perbelanjaan pembangunan ladang akan ditanggung ke atas RM4,500,000 ladang baru

2,917 ekar tanah pegangan pajak dimiliki oleh lima (5) syarikat yang pada sebelum ini ditanam dengan koko dan telah dibeli daripada Lion Plantations bebas daripada gadaian, lien atau bebanan. UCorp dijangka akan menanggung sebanyak RM1,500.00 setiap ekar yang berjumlah lebih kurang RM4.5 Juta untuk menukar tanah-tanah kepada ladang kelapa sawit. Tanah-tanah telah ditanam dengan kelapa sawit pada November 1999.

4. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM DAN TAWARAN UNTUK JUALAN (SAMB)

(d) Pembinaan kuarters kakitangan **RM500,000**

Jumlah kos pembinaan kuarters untuk kediaman pengurus dan kakitangan estet dianggar sebanyak RM0.5 Juta. Pembinaan kuarters yang akan melibatkan kawasan dibina seluas 30,600 k.p.s. dimulakan pada Jun 1998 dan telah disiapkan pada Disember 1999. Kuarters kakitangan terdiri daripada dua (2) blok konkrit dengan empat (4) unit setiap blok berukuran 412 meter persegi setiap blok. Apabila selesai dibina, 49 kakitangan Kumpulan akan menduduki kuarters baru ini.

(e) Bayaran balik jumlah teraku kepada UHB **RM27,000,000**

Jumlah sebanyak RM27.0 Juta akan digunakan untuk membayar jumlah teraku kepada UHB oleh UCorp. RM8.522 Juta telah digunakan oleh UCorp untuk membiayai pengambilalihan dua belas (12) buah syarikat, yang mana pada masa ini merupakan anak-anak syarikat milik penuh UCorp. Butir-butir pengambilalihan adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Penjual	Tahun Diambil alih	NTA Teraudit Pada 31.8.99	Kepentingan Ekuiti Berkeson	Balasan Tunai
			RM'000		
Esteemplan	• Wong Oi Kean @ Wong Lee Ken • Metah bin Asang @ Michael Asang	1992	2,225	100	148
Jimery	• Wong Oi Kean @ Wong Lee Ken • Metah bin Asang @ Michael Asang	1992	1,509	100	148
Lajung Kelapa Sawit	• Lee Hock Yin • Agnes Chin Tai Moi	1991	636	100	147
Kesan Jaya Puuvun	• Yap Fui Liam @ Cham Nyit Leong • Lim Cher Seng	1992 1993	626 2,811	100 100	147 522
Buittec	• Tew Jau Chai • Lim Cher Seng	1995	467	100	365
Mautas	• Pang Hin Fah @ Pang Seen Hah • Lim Cher Seng	1995	915	100	375
Marga Jaya	• Pang Hin Fah @ Pang Seen Hah • Lim Cher Seng	1995	1,319	100	365
Tekad Murni	• Lim Cher Seng • Pang Hin Fah @ Pang Seen Hah	1995	4,954	100	2,550
Sri Kundasang	• Lim Cher Seng • Tew Jau Chai	1993	1,883	100	320
Zutaland	• Lim Cher Seng • Pang Hin Fah @ Pang Seen Hah	1997	2,484	100	2,435
Longlive	• Lim Cher Seng • Pang Hin Fah @ Pang Seen Hah	1997	1,085	100	1,000
			Jumlah		8,522

Ini dijangka akan menghasilkan penjualan faedah sebanyak lebih kurang RM2.70 juta setiap tahun. Baki berjumlah lebih kurang RM18.478 Juta akan digunakan untuk perbelanjaan pembangunan ladang ke atas estet yang diperolehi.

Butir-butir selanjutnya mengenai dua belas (12) syarikat dibentangkan dalam Seksyen 6.8 Prospektus ini.

(f) Modal Kerja **RM9,750,000**

Lebih kurang RM9.750 Juta daripada jumlah hasil perolehan akan diperuntukkan untuk tujuan modal kerja Kumpulan di mana sebahagian daripada jumlah ini akan digunakan untuk menambah dana dalaman digunakan untuk membiayai sebahagian daripada pengambilalihan lima (5) buah syarikat daripada Lion Plantations.

5. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI

5.1 Industri Minyak Sawit

(i) Pertumbuhan Industri Sepanjang Lima (5) Tahun Lalu

Pertumbuhan industri minyak sawit di Malaysia sepanjang lima (5) tahun lalu dari 1994 hingga 1998 adalah seperti berikut:-

	1994	1995	1996	1997	1998
Kawasan ('000 hektar):-					
Bertanam	2,412	2,540	2,692	2,819	3,078
Matang	2,144	2,243	2,353	2,455	2,597
Pengeluaran ('000 tan):-					
CPO	7,221	7,811	8,386	9,069	8,320
Kadar Hasil Sehektar yang Matang (TM):-					
CPO	3.43	3.50	3.55	3.69	3.02
Nilai Eksport ('000 tan):-					
Minyak Sawit	6,864	6,809	7,324	7,609	7,250
Nilai Eksport (RM juta)					
Minyak Sawit	8,365	10,169	9,436	10,810	16,458

Meskipun persaingan daripada pengeluar-pengeluar utama yang lain meningkat, namun Malaysia mengekalkan kedudukannya di hadapan sebagai pengeluar minyak sawit mentah yang terbesar di dunia, membentuk 50% daripada pengeluaran dunia. Indonesia, iaitu negara pengeluar minyak sawit yang kedua terbesar, membentuk bahagian hanya 31.1%.

Sumber : *Laporan Tahunan Bank Negara 1994-1998*
Perangkaan Minyak Sawit PORLA 1998
Business Times, "Bumper Year For Commodities Seen", 22 April 1998

5. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMB)

(ii) Undang-undang, Dasar dan Insentif Kerajaan

Industri minyak sawit Malaysia merupakan komponen yang penting dalam ekonomi Malaysia, terutamanya sektor pertanian. Industri ini merupakan sumber hasil yang utama kepada kerajaan dan telah menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada ramai penduduk. Memandangkan permintaan dunia yang kukuh bagi minyak sawit dan untuk mengelakkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport minyak sawit yang terbesar di dunia, maka kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pertumbuhan industri ini serta memenuhi kehendak industri ini dan para pengguna minyak sawit yang sentiasa berubah. Melalui komitmennya yang padu terhadap penyelidikan dan pembangunan, banyak penekanan diberikan kepada meningkatkan kecekapan pada pelbagai peringkat untuk meningkatkan kadar hasil, kualiti dan mengurangkan pembaziran. Untuk menggalakkan permintaan bagi keluaran-keluaran minyak sawit, usaha-usaha yang berterusan dibuat dalam penyelidikan dan pembangunan untuk mempelbagaikan kegunaan akhir minyak sawit dan mengitar semula pokok-pokok kelapa sawit. PORIM, iaitu agensi kerajaan yang telah ditubuhkan untuk menganjurkan dan menguruskan penyelidikan berkaitan dengan minyak sawit dan kelapa sawit, telah menugasi 120 kajian di 38 buah institusi penyelidikan dan pembangunan yang bereputasi baik di seluruh dunia untuk menjalankan kajian pemakaian ke atas minyak sawit.

Selain itu, kerajaan terus melaksanakan dasar pemasarannya dengan mengadakan seminar, konferens, lawatan sambil belajar, menerbitkan terbitan dan misi perdagangan untuk menyebarkan maklumat terkini mengenai minyak sawit. Malaysia juga mencari peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di luar negara seperti di Columbia, Guyana dan Honduras untuk menembusi pasaran-pasaran baru di luar negara. Kegiatan promosi juga sentiasa dilaksanakan di dalam dan luar negara untuk menimbulkan kesedaran tentang minyak sawit dan keserbagunaannya. Kerajaan juga telah memperkenalkan insentif untuk menggalak program penanaman semula demi mengekal produktiviti tinggi dan membina kilang penapis untuk mula mencebur diri dalam kegiatan hiliran.

(iii) Kitar Hayat Industri

Industri minyak sawit Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang pesat sepanjang tiga dekad yang lalu menjadi peserta yang penting dalam pasaran minyak dan lemak dunia pada hari ini. Usaha penanaman kelapa sawit yang agresif di Malaysia yang bermula pada pertengahan tahun enam puluhan pada dasarnya ialah untuk mengurangkan pergantungan ekonomi yang berat kepada getah dan bijih timah serta meningkatkan daya pulih ekonomi negara dalam menghadapi turun naik harga yang luas di pasaran komoditi dunia. Usaha yang berterusan dan konsisten yang dibuat dalam penyelidikan dan pembangunan, serta inisiatif pemasaran bersepdu merupakan antara kekuatan utama yang menyumbang ke arah pembangunan pesat industri minyak sawit Malaysia. Bagaimanapun, industri ini mempunyai potensi untuk berkembang lagi dengan penemuan keluaran-keluaran hiliran melalui penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan pembuatan keluaran-keluaran lemak istimewa, oleokimia dan bahan terbitan. Menurut Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia, oleokimia berdasarkan minyak sawit adalah lebih selamat kepada alam sekitar dan lebih sihat kepada pengguna, dan ia meningkatkan kepelbagaian dan keserbagunaan kegunaan akhir minyak sawit.

Memandangkan perubahan dan pembangunan yang sedang berlaku dalam industri ini, maka bolehlah dikatakan bahawa industri minyak sawit masih lagi berkembang dan dengan sokongan dan komitmen padu daripada kerajaan Malaysia, industri ini akan dapat meneruskan pertumbuhannya yang kukuh.